

Nama Kolum: Perbendaharaan Rahsia Raja (24)

Nama Pena: Bonda Tun

Tarikh: 26/11/17

Bismillahirrahmanirrahim

Dalam pemerintahan Islam, wujud Majlis Syura yang merupakan suatu badan perwakilan umat tertinggi, terdiri dari cendekiawan dan pakar dalam berbagai bidang seperti bidang politik, ekonomi, ketenteraan dan sebagainya.

Ruang lingkup musyawarah dalam Majlis Syura meliputi segala aspek-aspek urusan pemerintahan dan pengurusan rakyat dan negara, selama mana ianya tidak menyalahi nas al-Quran, as-Sunnah dan ijma' ulama, bahkan boleh berijtihad bila diperlukan asal bukan ijtihad yang terkait dengan sumber nas. Malah aplikasi musyawarah bersifat fleksibel dalam mengikuti bentuk-bentuk lembaga politik dan negara yang sering berubah dan berkembang asal sahaja tidak menyimpang dari hukum syarak.

Antara ruanglingkup bidang kuasa Majlis Syura adalah:

- i. Kuasa membuat peraturan dan undang-undang
- ii. Kuasa menggubal polisi luar negara
- iii. Kuasa mengawal aktiviti-aktiviti kerajaan
- iv. Kuasa mencalon dan memilih Ketua Negara

Dalam skop kuasa Majlis Syura untuk mencalon dan memilih Ketua Negara seperti pada perkara iv. di atas, ianya merujuk kepada kewajiban memilih Ketua Negara berdasarkan rundingan dan muafakat. Maka dalam konteks ini, menurut al Mawardi, antara syarat kelayakan anggota Majlis Syura adalah adil, mempunyai ilmu pengetahuan yang cukup untuk memilih calon-calon yang layak dan memenuhi syarat-syarat tertentu, serta mempunyai pandangan yang luas hingga membolehkannya mengetahui orang yang lebih utama dan berhak sebagai pemimpin.

Ahli-ahli fuqaha telah bersepakat bahawa pemilihan Ketua Negara dibuat melalui dua cara berikut iaitu; Pertama: Ditunjukkan oleh Ketua Negara sebelumnya. Cara ini digunakan dalam proses pelantikan Sayyidina Umar al Khattab iaitu khalifah kedua dalam pemerintahan Khulafa' ar Rasyidin, yang mana Khalifah Abu Bakar al Siddiq yang sedang gering telah mencalonkan nama Sayyidina Umar al Khattab sebagai penggantinya. Pencalonan ini telah dipersetujui setelah bermusyawarah bersama para sahabat dan ahli lembaga Majlis Syura.

Kedua, dipilih melalui *Ahl al-Hal Wa al-Aqd* (Jemaah Pemilih), yang lazimnya merupakan anggota Majlis Syura, walaupun tidak semestinya semua anggota Majlis Syura berperanan sama sebagai *Ahl al-Hal Wa al-Aqd*.

Khalifah Umar al-Khattab telah menetapkan *Ahl-al-Hal wa al-Aqd* atau Anggota Pemilih yang bilangannya enam orang iaitu Sayyidina Othman bin Affan, Sayyidina Ali bin Abi Talib, Abdul Rahman bin Auf, Talhah bin Ubaidillah, Zubair al Awwam dan Saad bin Abu Waqas. Musyawarah diadakan tiga hari selepas kewafatan Khalifah Umar di rumah Sayyidatina Aisyah binti Abu Bakar dan Abdul Rahman bin Auf telah dipilih untuk mempengerusikan musyawarah dalam pemilihan khalifah. Undian dibuat dan akhirnya Sayyidina Uthman bin Affan mendapat kelebihan undi setelah empat orang calon menarik diri. Bermakna tugas *Ahl-al-Hal wa al-Aqd* adalah memilih serta melantik Ketua Negara dari kalangan mereka ataupun dari kalangan orang lain.

Dalam perkara ini, ulama berbeza pendapat tentang bilangan Anggota Pemilih ini, iaitu ada yang mengatakan sekurang-kurangnya enam orang, lima orang, tiga orang dan seorang berdasarkan kepada istinbath hukum Fiqh Daulah yang diambil dari peristiwa pemilihan dan pembaiatan Sayyidina Abu Bakar, Sayyidina Umar, Sayyidina Ali serta ijtihad fuqaha dan mutakallimin di Basrah dan Kufah pada zaman *Khaira Qurun*.

Sebagaimana mengikut hukum syariat yang menetapkan pemilihan Ketua Negara dibuat dengan dua cara iaitu samada ditunjuk oleh pemerintah sebelumnya ataupun dipilih oleh *Ahl al-Hal Wa al-Aqd*, maka syarat ini adalah diikuti dalam istiadat perlantikan Raja-raja Melayu, yang mana lazimnya calon bakal raja telahpun diputuskan sebelum kemangkatan raja yang memerintah dengan mendapat permuafakatan ahli lembaga Majlis Syura.

Maka dalam hal perlantikan Raja Melayu, sebagaimana yang dituntut oleh hukum syariat, lazimnya wujud proses musyawarah, muafakat dan persetujuan diantara para pembesar tertinggi sebagai *Ahl-al-Hal wa al-Aqd* atau mengikut Adat Raja-Raja Melayu disebut sebagai JEMAAH PANGKUAN DIRAJA .

Permuafakatan dan persetujuan atas pemilihan calon raja (Tengku Mahkota) oleh raja yang masih memerintah diperolehi dari para pembesar Melayu yang paling teratas seperti Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Mufti yang bukan sahaja bertindak sebagai lembaga Majlis Syura, tetapi juga dalam adat Raja-raja Melayu berperanan sebagai *Ahl al-Hal Wa al-Aqd*@Anggota Pemilih@Jemaah Pangkuan Diraja. Bendahara sebagai Menteri Tafwidh atau Menteri Tunggal Penuh mempengerusikan musyawarah lembaga Anggota Pemilih@Jemaah Pangkuan Diraja dalam hal mengurus perkara-perkara perlantikan Raja Melayu.